

KDNK 0.5% bukti tiada kemelesetan teknikal — PM

UM 24 AUG 2001

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menganggap pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak 0.5 peratus bagi suku kedua tahun ini masih baik kerana membuktikan negara tidak mengalami kemelesetan teknikal.

Beliau yang juga Menteri Kewangan mengaitkannya dengan sektor elektronik negara yang terjejas akibat kelembapan ekonomi yang masih dialami oleh Amerika Syarikat dan beberapa negara lain.

“(Kadar KDNK negara) masih positif. Kita tidak mengalami kemelesetan teknikal.

“Pada suku pertama tahun ini kita mencatat pertumbuhan 3.1 peratus dan kali ini, 0.5 peratus. Kalau pertumbuhan yang dicatatkan ialah kosong peratus atau negatif, itu lainlah,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Yayasan Pendidikan Cheras di sini hari ini.

● Komen Gabenor

Bank Negara — Muka 24

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Gabenor Bank Negara Malaysia mengenai kadar pertumbuhan KDNK itu yang dicatatkan negara bagi suku kedua tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia telah mengalami kemelesetan ekonomi dah begitu juga beberapa negara lain.

Bagaimanapun Dr. Mahathir lega kerana sekurang-kurangnya negara telah berjaya mengelakkan kemelesetan apabila mencapai kadar pertumbuhan 1.8 peratus bagi separuh pertama tahun ini.

Dengan pencapaian ini, Perdana Menteri berkata, jelas Malaysia tidak boleh mencapai unjuran pertumbuhan 5 hingga 6 peratus untuk tahun ini yang dibuat sebelum ini.

■ Lihat muka 4

KDNK 0.5% bukti tiada kemelesetan teknikal — PM

UM 24 AUG 2001

“Kita mungkin tidak boleh pun mencapai lima peratus, tapi saya fikir ia akan kekal positif,” katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, tahap pertumbuhan ekonomi sehingga tiga peratus boleh dicapai.

“Kelembapan ekonomi AS merupakan suatu yang serius dan lebih lama daripada yang dijangkakan.

“(AS) sebelum ini yakin mereka dapat mengatasi masalah yang dihadapi tetapi nampaknya mereka tidak berjaya berbuat demikian,” katanya.